

## KERATAN AKHBAR

JUDUL : Sinar Harian

TARIKH : Selasa, 27 Ogos 2019

M/S : 44

### Program Semarak Merdeka @PNM 2019



■ Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) melalui Pusat Rujukan Malaysian dan Luar Negara akan mengadakan Program Semarak Merdeka @PNM 2019 bertemakan 'Sayangi Malaysiaku - Malaysia Bersih' pada 29 Ogos 2019 (Khamis), pada jam 9 pagi hingga 1 tengah hari bertempat di Auditorium PNM, Aras 2, Anjung Bestari, Perpustakaan Negara Malaysia. Pelbagai aktiviti seperti sesi Sembang Merdeka - sesi bual

bicara santai oleh dua orang tokoh daripada latar belakang kerjaya dan kepakaran masing-masing. Selain itu, pelbagai aktiviti lain turut dijalankan sepanjang program itu iaitu pameran eksplorasi ilmu 'Semarak Merdeka', program kanak-kanak, promosi keahlian u-Pustaka dan demonstrasi doktor buku.

Orang ramai dijemput hadir memeriahkan program sempena sambutan Bulan Kebangsaan ini dan masuk adalah percuma. Maklumat lanjut sila layari [www.pnm.gov.my](http://www.pnm.gov.my) atau ikuti Facebook Perpustakaan Negara Malaysia.